




SIMPOSIUM PENDIDIKAN EKSKLUSIF ERA DIGITALISASI (SPEED)

DEWAN SERI ANGERIK
HOTEL SERI MALAYSIA, KANGAR, PERLIS

RABU | 1 NOVEMBER 2023
8 PAGI - 6 PETANG

HOTEL
SERI MALAYSIA

SELAMAT DATANG *Welcome*



FAIZUDDIN CENTRE OF EDUCATIONAL EXCELLENCE

"Insentif Minda, Pemangkin Bangsa"

Pusat Kecemerlangan Khas
Pendidikan MAIPs

Di Bawah Naungan
DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra
RAJA MUDA PERLIS



**DULI YANG MAHA MULIA
TUANKU SYED SIRAJUDDIN
IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL**

DKP, DK, SSPJ, DKM, DMN, DK (PERAK), DK (NEGERI SEMBILAN), DK (KEDAH), DK (KELANTAN), DKMB (BRUNEI),
DK (SELANGOR), DK (PAHANG), DK II (TERENGGANU), SIPMJ, SPCM, SSM, GRAND ORDER OF KING TOMISLAV (CROATIA),
GRAND COLLEGE OF THE INDEPENDENCE (GRAND MEDAL OF THE INDEPENDENCE) - CAMBODIA, GRAND CROIX DE L'ORDRE ROYAL SASI - CAMBODIA,
CAVALIERE DI GRAN CROCE DECORATO DI GRAN GORDONE (ITALY), OLA'DAH BADR AL-KHUBRAY (ARAB SAUDI), DECORATION OF OMA'YAD - THE FINEST DECORATION (SYRIA),
KNIGHT OF THE ROYAL ORDER OF THE SERAPHIM (SWEDEN), GRAND CORDON OF THE ORDER OF THE SACRED TREASURE (JAPAN)

RAJA NEGERI PERLIS



**DULI YANG MAHA MULIA
TUANKU TENGKU FAUZIAH
BINTI ALMARHUM TENGKU ABDUL RASHID**

DKP, DK, SSPJ, SPMP, DMN, DK (KELANTAN), DK (PAHANG),
GRAND CROIX DE L'ORDRE (ROYAL SASI) - CAMBODIA, KNIGHT OF THE ROYAL ORDER OF THE SERAPHIM (SWEDEN),
THE ORDER OF THE SACRED TREASURE, GOLD AND SILVER STAR (JAPAN)

RAJA PEREMPUAN PERLIS



**DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**

DK., SPMP, PAT,
DOCTOR OF EDUCATION (HONORIS CAUSA) LA TROBE UNIVERSITY MELBOURNE, AUSTRALIA
HONORARY DOCTORATE IN MANAGEMENT SCIENCES, YALA RAJABHAT UNIVERSITY, THAILAND

RAJA MUDA PERLIS



**DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU DR. HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL**

SPMP,
HONORIS CAUSA IN HEALTH SCIENCES
UNIVERSIDAD NACIONAL PEDRO HENRÍQUEZ URENÀ, DR

RAJA PUAN MUDA PERLIS

JAWATANKUASA SPEED

➤ **Penasihat I**

YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Kamarudin Hussin

➤ **Penasihat II**

YBhg. Datin Noridah Yangman

➤ **JK Pengurusan Acara & Majlis**

Puan Amalina Basir

Puan Ernie Adnan

Encik Muhammad Nurfiqri Mohd Hajar

Encik Roshazril Japri

➤ **JK Protokol & Komunikasi**

Puan Nur Azizah Hasnin

Puan Syamsyuhaida Sabri

Puan Fatin Sabrina Halim

Puan Siti Nur Syazlin Zakaria

➤ **JK Media & Publisiti/Teknikal & Layar**

Encik Megat Muhammad Ridzuan Hamzan

Encik Muhammad Fakhruallah Abd Hamid

Encik Md. Zailani Md. Shah

Encik Muhammad Faizal Razali

Puan Arifah Raedah Muhammad Fauzi

➤ **JK Persediaan Tempat & Pendaftaran**

Encik Megat Muhammad Ridzuan Hamzan

Encik Roshazril Japri

Puan Fatin Sabrina Halim

➤ **JK Pengurusan Pembentangan & Prosiding**

Prof. Madya Dr. Bibi Noraini Mohd Yusuf

Prof. Madya Dr. Abdul Jalil Ramli

Puan Anis Jazilah Azmin @ Che Wan

➤ **JK Cenderamata & Sijil**

Puan Ernie Adnan

Puan Zainab Ahmad

PENGHARGAAN

Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE)
mengucapkan ribuan terima kasih atas penglibatan
institusi & agensi dalam menjayakan geran
penyelidikan FCoEE (Fasa 1)



- Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis
- Kolej Universiti Islam Perlis
- Universiti Malaysia Perlis
- Institut Pendidikan Guru
- Jabatan Pendidikan Negeri Perlis

ATUR CARA SIMPOSIUM SPEED

Masa	Aktiviti
7:45 - 8:15 AM	Pendaftaran
8:30 AM	Majlis Pembukaan Speed
9:30 AM	Minum Pagi
10:00 - 11:00 AM	Pembentangan Slot 1 <i>The Impact of TVET Program's of Malaysia Changing Job Landscape</i> <i>Kecerdasan Kinestetik Dalam Menangani Masalah Ponteng Murid B40</i> <i>Pelaksanaan Pengajaran Anak-anak Asnaf: Cabaran dan Solusi</i> <i>Persepsi Pelanggan Terhadap Tadbir Urus Dana Zakat: Kajian di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)</i> <i>Empower Your Future: Making the Right Educational Choice with Kolej Universiti Islam Perlis</i>
11:15 - 12:15 PM	Pembentangan Slot 2 <i>Pengetahuan, Sikap Dan Amalan (KAP) Mengenai Fardhu 'Ain Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Negeri Perlis</i>

ATUR CARA SIMPOSIUM SPEED

Masa

11:15 - 12:15 PM

Aktiviti

Pembentangan Slot 2

*Technical Vocational Education and Training (TVET)
Contribution to Sustainable and Economy
Development among B40 Students*

*Causes, Effect and Solutions to Overcome the Truancy
Problems among Primary School Students in Malaysia*

*Gaya Asuhan Ibu Bapa Murid Ponteng Sekolah di
Negeri Perlis*

*Pengaruh Fungsi Kokurikulum Terhadap Tabap
Kemenjadian Murid Asnaf di Sekolah Program
Transformasi Sekolah (TS25)*

12:30 - 2:00 PM

Makan Tengahari/Rehat/Solat

2:30 - 3:30 PM

Pembentangan Slot 3

*Faktor yang Mempengaruhi Keinginan Pelajar untuk
Cenderung Dalam Memepelajari Pendidikan
Keusahawanan*

*Pembangunan Model Personaliti Unggul Bagi Pesalah
Juwana*

ATUR CARA SIMPOSIUM SPEED

Masa	Aktiviti
2:30 - 3:30 PM	<p>Pembentangan Slot 3</p> <p><i>Isu-isu Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pendidikan Rendah</i></p> <p><i>Faktor Personaliti Mempengaruhi Kecirikan Dalam Kalangan Murid Sekolah di Perlis</i></p> <p><i>Pendidikan Digital Semasa Pandemik COVID 19: Survival Pelajar B40 di Perlis</i></p>
3:30 - 4:00 PM	Lawatan Pameran
4:00 - 4:15 PM	Pemeteraian Memorandum Persefahaman
4:30 PM	Majlis Perasmian Penutupan bersama DYTM Tuanku Raja Muda Perlis & DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis
5:30 PM	Minum Petang & Bersurai

ATUR CARA

MAJLIS PENUTUPAN SIMPOSIUM PENDIDIKAN EKSKLUSIF ERA DIGITALISASI (SPEED)

- 4.15 PM •> Ketibaan dif-dif jemputan dan Ahli JK Geran Penyelidikan
- 4.30 PM •> Keberangkatan Tiba
DYTM Tuanku Raja Muda Perlis &
DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis
- > Lagu Dirgahayu Tuanku
 - > Ucapan aluan oleh Ketua Penyelaras Pelaksanaan Geran Penyelidik FCoEE
 - > Ucapan oleh Pengerusi Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE)
 - > Titah DYTM Tuanku Raja Muda Perlis
 - > Simbolik Perasmian Majlis Penutupan Simposium
 - > Pengurniaan Anugerah Penyelidikan & Pembentang Terbaik
 - > DYTM Tuanku Raja Muda Perlis & DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis Berangkat meninggalkan majlis
 - > Lagu Dirgahayu Tuanku
 - > Santapan/Jamuan
 - > Keberangkatan balik
DYTM Tuanku Raja Muda Perlis &
DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis
 - > Majlis bersurai

ABSTRAK

PELAKSANAAN PENGAJARAN ANAK-ANAK ASNAF: CABARAN DAN SOLUSI

Ernie Adnan¹, Roziah Ramli², Naziroh Ibrahim³ dan Masni Jamir⁴

Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis^{1 2 3 4}

ernieadnan@ipgm.edu.my¹, roziahramli@ipgm.edu.my²

naziroh.ibrahim@ipgm.edu.my³, masni@ipgm.edu.my⁴

Abstrak

Kajian ini membincangkan tentang pengajaran anak-anak asnaf yang bertujuan untuk memenuhi keperluan pembangunan pendidikan bagi golongan ini. Guru memainkan peranan utama dalam menjalankan tanggungjawab ini, namun penyelidikan tentang cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam mengajar anak-anak asnaf masih kurang dijalankan di Malaysia. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran anak-anak asnaf dari segi penggunaan sumber pengajaran, kekangan masa yang dihadapi, kaedah pengajaran yang dipraktikkan dan persepsi guru terhadap pengajaran anak-anak asnaf serta solusi yang diketengahkan oleh guru-guru bagi mengatasi cabaran ini. Kajian kualitatif ini menggunakan persampelan bertujuan yang melibatkan dua puluh orang guru yang terlibat secara langsung dalam pengajaran anak-anak asnaf yang telah ditemu bual bagi tujuan mendapatkan data untuk menjawab persoalan kajian. Kaedah yang digunakan untuk menganalisis data adalah kaedah deskriptif yang mana maklum balas guru dari temu bual yang dijalankan dipersembahkan mengikut tema yang tertentu. Implikasi daripada kajian ini adalah ianya dapat menggariskan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajar anak-anak asnaf serta beberapa cadangan penyelesaian untuk mengatasi cabaran tersebut. Laporan dan cadangan daripada kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pihak pengurusan zakat khususnya dalam usaha menyokong dan memperkuatkan kapasiti guru dalam memberikan pendidikan berkualiti kepada anak-anak asnaf.

FAKTOR PERSONALITI MEMPENGARUHI KECICIRAN DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH DI PERLIS

Ismail Said¹, Nor Adli Muda², Rashidi Hamzah³ dan Mohd Fadzil Mohd Salleh⁴

Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis (IPGKPs)^{1 2 3 4}

isma1269@yahoo.com¹, noradli.kpm@gmail.com²

rashidi01-47@epembelajaran.edu.my³ dan fadzil01-31@epembelajaran.edu.my⁴

Abstrak

Keciciran pelajar dalam sistem pendidikan telah menjadi isu serius sejak tahun 1960-an dan tetap menjadi perhatian utama dalam usaha memajukan sistem pendidikan. Metodologi kajian menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Instrumen kajian yang digunakan ialah temu bual berstruktur, pemerhatian, analisis dokumen dan soal selidik. Satu set soal selidik diubahsuai dari Senarai Semak Masalah Mooney (Ross L. Mooney & Leonard V. Gordan, 1950) digunakan. Data soal selidik telah dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 26.0. Seramai 60 orang Peserta Kajian yang terdiri daripada murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 6 dari Sekolah Kebangsaan Simpang Ampat, Sekolah Kebangsaan Seberang Ramai, Sekolah Kebangsaan Putra dan Sekolah Kebangsaan Seri Perlis terlibat dalam kajian ini. Dalam kajian ini, terdapat penekanan terhadap peranan faktor personaliti pelajar, seperti sikap, minat, dan motivasi, dalam pengalaman belajar mereka. Dapatan menunjukkan bahawa sikap yang positif terhadap pembelajaran dan kesedaran akan kepentingannya mempengaruhi prestasi pelajar. Minat yang kurang terhadap pendidikan, seperti yang ditemui dalam kajian ini, memainkan peranan penting dalam mempercepat keciciran. Responden yang merasa tiada keyakinan diri, tiada motivasi ke sekolah, dan merasa terasing cenderung untuk tidak hadir ke sekolah. Penemuan kajian ini memberi sokongan kepada keperluan memahami personaliti pelajar dalam usaha mengatasi masalah keciciran dalam pendidikan. Untuk itu, pemahaman mendalam tentang keperluan dan motivasi pelajar adalah penting dalam merumuskan strategi pendidikan yang berkesan untuk mengatasi fenomena keciciran ini.

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEINGINAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI PERLIS UNTUK CENDERUNG DALAM MEMPELAJARI PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

Noorkartina Mohamad¹ dan Nor Musfirah Mohamad²

¹Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) Perlis, Malaysia

²Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) Perlis, Malaysia

Abstrak

Pendidikan Keusahawanan di Malaysia telah mula diterap kepada generasi muda bagi membina modal insan yang mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi keluarga dan negara. Pendidikan keusahawanan telah berkembang menjadi pengajaran dalam banyak bidang mata pelajaran untuk memperkenalkan idea dan keupayaan untuk menjadi usahawan kepada lebih ramai pelajar seterusnya mencapai matlamat melahirkan pelajar yang mampu mencipta kerjaya dan bukannya menjadi pekerja kepada mana-mana majikan semata-mata. Hal ini membuktikan bahawa kefahaman terhadap ilmu Pendidikan Keusahawanan amat penting dan menjadi asas kepada permulaan seseorang individu untuk menceburi aktiviti perniagaan terutamanya pelajar sekolah yang menerima Pendidikan ini secara formal di sekolah. Justeru, penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi Pendidikan keusahawanan pelajar dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah di Negeri Perlis. Pengedaran borang soal selidik telah dibuat kepada 266 orang pelajar dari 13 buah sekolah di sekitar Perlis. Hasil kajian mendapati sebanyak 78.5 peratus pelajar sangat gembira mempelajari ilmu keusahawanan dan sebanyak 64 peratus pernah menyertai kursus / bengkel / seminar / kelas keusahawanan yang telah dianjurkan oleh pihak sekolah dan swasta. Hasil kajian juga mendapati bahawa tahap kefahaman dan memiliki perniagaan sendiri berhubungan positif dengan bengkel / kursus yang disertai. Manakala minat berhubungan negatif dengan bengkel / kursus yang disertai. Bagi memastikan pelajar berjaya menjadi seorang usahawan yang berjaya di masa hadapan, pendedahan tentang pentingnya pendidikan keusahawanan secara berterusan perlu diterapkan kepada pelajar walaupun mereka mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang keusahawanan. Justeru itu, langkah yang terbaik boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah adalah dengan menjalinkan kerjasama dengan pihak keusahawanan seperti SME Corp dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi membuka peluang kepada pelajar untuk terus mendalami bidang keusahawanan ini walaupun mereka telah tamat belajar.

ISU-ISU PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM PENDIDIKAN RENDAH

Rohani Seman¹ dan Norazelina Awang@Man²

Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis (IPGKPs)

rohani.seman@ipgm.edu.my¹ dan norezelina.awang@ipgm.edu.my²

Abstrak

Penggunaan aplikasi mudah alih dalam pendidikan rendah banyak diperdebatkan oleh kalangan pengkaji. Antara yang menjadi tumpuan perbincangan adalah kesan penggunaan peranti atau gadget terhadap perkembangan kanak-kanak, isu kesediaan dan kompetensi pendidik, isu infrastruktur dan juga kemudahan sumber yang hendak digunakan dalam konteks pembelajaran dan pengajaran kepada murid. Penggunaan ICT dalam pendidikan membolehkan murid asnaf untuk memperoleh kemahiran digital yang penting dalam dunia moden. Mereka belajar menggunakan perisian produktiviti, navigasi internet, dan mengembangkan kesedaran tentang keselamatan dalam talian. Kemahiran digital ini dapat membuka peluang pekerjaan dan keusahawanan bagi murid asnaf di masa hadapan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji isu Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang melibatkan guru, murid dan ibu bapa. Dapatan menunjukkan skor min guru, murid dan ibu bapa berada pada tahap 'tidak pasti' dalam isu. Justeru itu, kajian pembangunan aplikasi mudah alih untuk pentaksiran murid-murid wajar dilaksanakan. Penggunaan ICT dalam pendidikan murid asnaf menawarkan potensi yang besar untuk meningkatkan kebolehcapaian, pembelajaran berpusatkan murid, komunikasi, kolaborasi, dan pembangunan kemahiran digital. Walau bagaimanapun, cabaran seperti kebolehcapaian, jurang digital, dan kebergantungan terhadap teknologi perlu diatasi.

PERSEPSI PELANGGAN TERHADAP TADBIR URUS DANA ZAKAT: KAJIAN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS (MAIPs)

Adi Anuar Azmin¹, Shuhairimi Abdullah², Abdul Jalil Ramli³, Wan Sallha Yusoff⁴, Mohd Sofian Mohamad Rosbi⁵, Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakob⁶, Haslina Hassan Basri⁷ & Nur Suriaty Daud @ Fhiri⁸

Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis
adianuar@unimap.edu.my¹, shuhairimi@unimap.edu.my², jalil@unimap.edu.my³,
wansallha@unimap.edu.my⁴, sofian@unimap.edu.my⁵, kastriafuddinshah@unimap.edu.my⁶,
haslinabasri@unimap.edu.my⁷ dan nursuriaty@studentmail.unimap.edu.my⁸

Abstrak

Isu kecekapan tadbir urus dana zakat di dalam institusi zakat agak membimbangkan. Tadbir urus dana zakat yang tidak telus merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada persepsi pelanggan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang mendorong persepsi pelanggan dan idea kepada penambahbaikan terhadap tadbir urus dana zakat. Kajian yang terperinci berkaitan tadbir urus institusi zakat tidak dijalankan secara mendalam dan ini memberi ruang untuk kertas kerja ini memenuhi lompong yang ada. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Hasil dapatan kajian ini adalah relevan dan terpakai kepada semua negara Islam yang mempunyai tadbir urus dana zakat. Selain itu, kajian ini juga diharapkan boleh membantu institusi zakat dalam menjadikan tadbir urus dana zakat lebih cekap dan mengikut piagam pelanggan yang telah di tetapkan.

PENDIDIKAN DIGITAL SEMASA PANDEMIK COVID 19: SURVIVAL PELAJAR B40 DI PERLIS

Nur Syamilah Md Noor¹, Nur Syaedah Kamis² dan Mardzyah Mohd Isa³

Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam^{1 2 3}

Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap survival pelajar-pelajar B40 semasa pelaksanaan pendidikan digital sepenuhnya di rumah ketika negara dilanda pandemik covid 19. Pendidikan digital masih kekal relevan dan berkesinambungan walaupun pandemik telah berakhir bagi menyokong dasar pendidikan digital Malaysia yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Survival para pelajar sekolah menengah B40 di negeri Perlis telah diukur secara deskriptif melalui tiga segmen iaitu penerimaan pembelajaran secara digital di rumah, penguasaan kemahiran teknologi dan kecemerlangan pelajar sekolah menengah B40 di negeri Perlis. Ukuran ini telah diambil dari sudut perspektif para guru yang menjadi responden dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun penguasaan teknologi dalam kalangan pelajar B40 adalah sederhana, tahap penerimaan dan kecemerlangan mereka dalam pembelajaran secara digital sepenuhnya dirumah adalah rendah. Justeru, kajian ini mencadangkan suatu kajian pada masa hadapan berkaitan wakaf pendidikan digital untuk diimplementasikan sebagai salah satu alternatif bagi membantu meningkatkan penerimaan dan kecemerlangan para pelajar B40 dalam pembelajaran secara digital. Hasil kajian ini memberi impak kepada pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, para guru, dan ibu bapa dan lain-lain pihak berkepentingan supaya lebih peka dan prihatin terhadap pelajar-pelajar B40 agar mereka tidak ketinggalan dan tercicir dalam pembelajaran secara digital.

PEMBANGUNAN MODEL PERSONALITI UNGGUL BAGI PESALAH JUVANA

Shuhairimi Abdullah¹, Mohd Soffian Mohammad Rosbi², Abdul Jalil Ramli³, Adi Anuar Azmin⁴, Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaako⁵, Wan Sallha Yusof⁶, Noor Salwani Hussin⁷ & Nur Suriaty Daud @ Fhiri⁸

*Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis
shuhairimi@unimap.edu.my¹, soffian@unimap.edu.my², jalil@unimap.edu.my³,
adianuar@unimap.edu.my⁴, kastriafuddinshah@unimap.edu.my⁵, wansallha@unimap.edu.my⁶,
noorsalwani@unimap.edu.my⁷ dan nursuriaty@studentmail.unimap.edu.my⁸*

Abstrak

Kesalahan jenayah dalam kalangan kanak-kanak adalah masalah sosial yang sangat membimbangkan. Secara umumnya, masalah kanak-kanak berkonflik dengan undang-undang atau terlibat dengan kesalahan jenayah adalah isu sejagat kerana ianya berlaku di semua negara di dunia. Sehubungan dengan itu, objektif utama artikel ini adalah untuk menganalisis definisi jenayah dan jenayah juvana di Malaysia. Pada masa yang sama, artikel ini juga memfokuskan kepada jenayah juvana yang berlaku di negeri Perlis. Di samping itu, artikel ini turut mengenalpasti hukuman yang dikenakan kepada kanak-kanak yang melakukan jenayah. Artikel ini mendapati bahawa terdapat kelompangan berkenaan faktor yang mendorong pesalah untuk berubah dan boleh mengubah pesalah juvana lain menjadi lebih baik. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan iaitu penganalisan dokumen yang berkaitan dengan jenayah juvana. Selain itu, kertas kerja ini juga membangunkan model personaliti unggul pesalah juvana. Model ini adalah penambahbaikan penambahbaikan kepada modul program pemulihan pesalah juvana sedia ada.

PENGARUH FUNGSI KOKURIKULUM TERHADAP TAHAP KEMENJADIAN MURID ASNAF DI SEKOLAH PROGRAM TRANSFORMASI SEKOLAH (TS25)

Zainab Ahmad¹, Nor Haizan Abdul Hamid², Zaiton Mat Mon³ dan Noor Haniza Hashim⁴

Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis (IPGKPs)

*zainab.ahmad@ipgm.edu.my*¹, *haizan.hamid@ipgm.edu.my*², *zaiton01-68 @epembelajaran.edu.my*³
dan *haniza01-39@epembelajaran.edu.my*⁴

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pengaruh fungsi kokurikulum terhadap tahap kemenjadian murid asnaf melalui persepsi guru dalam aspek kokurikulum dan sahsiah. Kajian ini mengemukakan dua objektif; pertama mengenal pasti pengaruh fungsi kokurikulum terhadap tahap kemenjadian murid asnaf melalui persepsi guru, kedua melihat kesan aktiviti kokurikulum terhadap pembentukan sahsiah murid. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif secara deskriptif. Pengkaji telah mengumpul maklumat melalui soal selidik daripada n=58 responden yang terdiri daripada guru yang terlibat secara langsung mendidik murid asnaf. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS 25.0. Kajian mendapati bahawa fungsi kokurikulum memberikan sumbangan yang ketara terhadap perkembangan keterampilan sosial murid, memberi mereka peluang untuk menggali dan memanfaatkan bakat serta potensi terpendam. Di samping itu, aktiviti kokurikulum juga berkesan dalam membentuk sikap sopan santun, integriti, dan kejujuran dalam kalangan murid asnaf. Hasil kajian ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang pentingnya kokurikulum dalam membantu murid asnaf mencapai potensi maksimum mereka. Implikasi kajian ini adalah pengukuhan sokongan terhadap pengembangan dan pelaksanaan program kokurikulum yang menyeluruh dan berkesan. Selain itu, ia boleh membentuk sahsiah dan kemenjadian yang positif dalam kalangan murid asnaf serta memberi peluang untuk mereka berjaya dalam pelajaran dan kehidupan.

KECERDASAN KINESTETIK DALAM MENANGANI MASALAH PONTENG MURID B40

Jauriah Binti Md Azali¹, Farrah Syuhaida Binti Ismail², Yeap Teik Wei³ dan Mohamad Munir Bin Ismail⁴

Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis (IPGKPs)

Jauriah.mdazali@ipgm.edu.my¹, farrahsyuhaida@ipgm.edu.my², yeap.teikwei@ipgm.edu.my³ dan munir.ismail@ipgm.edu.my⁴

Abstrak

Gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah merupakan salah satu masalah dalam dunia pendidikan sejak dari dulu lagi dan boleh menjadi semakin serius sekiranya tidak dikawal. Gejala ponteng ini juga seringkali dikaitkan dengan kecenderungan murid untuk mengikuti pembelajaran. Pelbagai pendekatan boleh digunakan oleh guru dalam membantu menangani masalah ponteng ini. Antaranya adalah dengan mengaplikasikan domain kecerdasan pelbagai ketika berhadapan dengan masalah ponteng murid. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji domain kecerdasan pelbagai kinestetik dalam membantu menangani masalah ponteng murid B40 di Sekolah Menengah. Responden kajian ini adalah terdiri daripada 94 orang murid B40 di Sekolah Menengah di Negeri Perlis. Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa kecerdasan kinestetik responden berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pendekatan P&P yang melibatkan domain kinestetik perlu diterapkan pada murid-murid yang mempunyai masalah ponteng. Hal ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah seterusnya Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menangani masalah ponteng yang terus berleluasa dari dulu hingga kini. Kajian ini sebenarnya memberi titik tolak kepada pihak yang berkenaan untuk mencari penyelesaian yang sewajarnya terhadap permasalahan yang berkaitan dalam usaha melahirkan generasi yang dapat memberi sumbangan terhadap pembangunan negara.

PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN (KAP) MENGENAI FARDHU 'AIN DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH NEGERI PERLIS

Fathullah Asni¹, Khalihullah Amin Ahmad², Muhamad Husni Hasbulah³, Afiffudin Mohammed Noor⁴

¹Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia,

fathullah@kuiips.edu.my

²Faculty of al-Quran and al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

³Faculty of Muamalat and Islamic Finance, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

⁴Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perlis, Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan, sikap dan amalan fardhu 'ain dalam kalangan pelajar tingkatan lima di sekolah menengah sekitar di negeri Perlis. Kajian ini dilakukan rentetan daripada kajian-kajian lepas yang mengesahkan bahawa faktor lemah pegangan agama adalah punca utama penglibatan remaja Islam dalam masalah sosial. Tambahan pula rekod statistik juvana dalam kalangan remaja semakin meningkat saban tahun, sedangkan remaja adalah generasi pelapis dan modal insan negara. Kajian berbentuk tinjauan ini telah dijalankan terhadap para pelajar tingkatan lima di sekolah menengah sekitar di negeri Perlis. Sebanyak enam kategori pendidikan menengah menjadi populasi bagi kajian ini iaitu terdiri daripada SMK, SBP, SABK, KV, SMKA dan MRSM, iaitu melibatkan seramai 347 orang pelajar. Pemilihan sampel ini adalah berdasarkan jadual penentu saiz sampel kajian Krejcie dan Morgan. Melalui jadual penentu saiz sampel tersebut dinyatakan jika jumlah populasi seramai 2,987 orang, maka sampel ialah 341 orang. Soal selidik digunakan untuk mengukur aspek yang berkaitan dengan tahap pengetahuan, sikap dan amalan mengenai fardhu 'ain dalam kalangan murid sekolah menengah Tingkatan Lima negeri Perlis. Soal selidik menggunakan lima skala likert. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar di tiga buah sekolah. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Statistics* versi 22. Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan pelajar sekolah menengah Tingkatan Lima mengenai Fardhu 'Ain berada pada tahap tinggi dengan min sebanyak 3.89. Demikian juga pengetahuan responden terhadap fardhu 'ain berada pada tahap tinggi dengan nilai min sebanyak 3.94. Manakala sikap responden terhadap fardhu 'ain berada pada tahap rendah dengan min 2.57. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ujian Kolerasi Pearson secara keseluruhan menunjukkan bahawa tahap amalan pelajar berkaitan Fardhu 'Ain mempunyai hubungan yang signifikan ($r = .74, p < .01$) dengan tahap pengetahuan pelajar. Selain itu, ujian Kolerasi Pearson secara keseluruhan menunjukkan bahawa tahap sikap pelajar berkaitan Fardhu 'Ain tidak mempunyai hubungan yang signifikan ($r = .308, p > .01$) ($r = .258, p > .01$) terhadap tahap amalan dan pengetahuan pelajar. Implikasi kajian ini ialah sikap yang negatif boleh menatijahkan tingkah laku yang negatif hingga boleh membawa kepada masalah sosial yang meruncing. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi implikasi kepada ibu bapa, pihak sekolah terutama para guru dan institusi-institusi agama Islam untuk bersama-sama menggembeleng tenaga dan usaha untuk meningkatkan sikap positif dalam penghayatan agama dan akhlak dalam kalangan anak-anak remaja dapat ditingkatkan.

GAYA ASUHAN IBU BAPA MURID PONTENG SEKOLAH DI NEGERI PERLIS

Liza Saad¹, Mohamad Nizam Hamid² dan Noraidah Mohd. Sani³

lizasaad@ipgm.edu.my, nizam.hamid@ipgm.edu.my dan noraidah.sani@ipgm.edu.my^{1 2 3}

Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis (IPGKPs)

Abstrak

Tujuan utama kajian ini adalah mengenal pasti gaya asuhan ibu bapa murid yang terlibat dengan gejala ponteng sekolah di negeri Perlis. Sejumlah N=303 (lelaki, n=142 dan perempuan, n=161) murid dari 13 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada mereka yang mencatatkan kehadiran ke sekolah di bawah min 83.24 peratus kehadiran untuk tempoh setahun (Mac 2022 – Februari 2023). Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah set soal selidik PAQ (Parental Authority Question). Statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis data demografi sampel juga menganalisis data gaya asuhan ibu bapa bagi menjawab objektif kajian. Dapatan menunjukkan gaya asuhan autoritarian berada pada tahap tinggi dan lebih dominan berbanding gaya asuhan autoritatif yang berada pada tahap sederhana. Manakala gaya asuhan permisif pada tahap rendah. Sehubungan dengan itu, bolehlah dikatakan bahawa bagi murid-murid sekolah menengah yang terlibat dengan gejala ponteng sekolah di negeri Perlis adalah lebih ramai dalam kalangan mereka mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan autoritarian. Dengan demikian, pihak sekolah khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengambil kira faktor ibu bapa di dalam merancang segala program atau intervensi pencegahan gejala ponteng dalam kalangan murid sekolah.

CAUSES, EFFECTS, AND SOLUTIONS TO OVERCOME THE PROBLEMS OF TRUANCY AMONG PRIMARY SCHOOL STUDENTS IN THE STATE OF PERLIS

Bibi Noraini Mohd Yusuf¹, Razinda Tasnim Abdul Rahim² and Syagul Yuhanis Mohd Yusof³

Faculty of Business and Social Sciences, Kolej Universiti Islam Perlis^{1 2}

bibinoraini@kuips.edu.my¹, razindatasnim@kuips.edu.my²

Sekolah Kebangsaan Santan³

RBA0029@mou.edu.my³

Abstrak

Truancy is a social indiscipline and educational enigma prevailing in the education fraternity, associated with various factors and resulting in varied negative consequences. The problem of truancy is increasingly worrying, as seen from a high 40% record of student population absenteeism in school in the State of Perlis in 2022. Students skipping school will be susceptible to many social problems, including stealing, smoking, drugs, promiscuity, and hanging out aimlessly without any direction. Essentially, this research study was conducted to explore the factors, effects, and ways to overcome the problem of truancy among primary school students in Perlis. The objectives of this study are 1) to identify the factors causing truancy, 2) to study the effects of truancy on students, families, and schools, and 3) to explore ways to overcome the truancy problem. This study uses the survey methodology with questionnaires structured based on past research but tailored to the present education environment. Questions are distributed using Google form to 14 schools in the State. The data were analysed using Atlas from version 9.0. The study's results found that the leading causes of truancy in school are due to student and parent factors. The impact of skipping schools is that students will become early dropouts from education, thus affecting their future livelihoods and careers. The effect on the family will cause severe stress because of the indiscipline problems created by the students and its repercussions/ramifications on other family siblings. The impact on schools will decrease attendance and stunted teaching and learning opportunities. Our findings suggest that truancy problems in school be addressed by contacting parents, giving counselling sessions, and visiting students' families. These study outcomes can be used as a guideline and reference in assisting school management, parents, and other stakeholders in the education industry in understanding and addressing the problems of truancy in their school vicinity.

THE IMPACT OF TVET PROGRAMS ON MALAYSIA'S CHANGING JOB LANDSCAPE

Abdul Ghafur Hanafi¹, Mohd Fitri Mansor², Hanis Hazwani Ahmad³,
Wan Azani Mustafa⁴

^{1 3} Faculty of Business and Management Sciences, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), 02000
Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

² Faculty of Business and Communication, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), 02600 Arau,
Perlis, Malaysia

⁴ Faculty of Electrical Engineering & Technology, Universiti Malaysia Perlis, UniCITI Alam Campus,
Sungai Chuchuh, 02100 Padang Besar, Perlis, Malaysia

Abstrak

This proceeding paper examines the pivotal role of Technical and Vocational Education and Training (TVET) programs in addressing the ever-evolving job landscape in Malaysia. Against the backdrop of Malaysia's economic diversification and globalisation, this research leverages secondary data sources to explore the significance of TVET in responding to industry-specific skill demands, enhancing career readiness and employability, fostering lifelong learning, and supporting economic growth and competitiveness. By delving into historical data and policy documents, the study traces the development of TVET in Malaysia and its alignment with the nation's socioeconomic goals. The study also analyses the job market to identify new industries and skill requirements and to explore challenges and opportunities for policymakers and stakeholders while examining success stories and outcomes in Malaysia. The findings from this secondary data analysis underscore the critical role of TVET in equipping individuals with industry-relevant skills, reducing the skills gap, and contributing to economic growth. This paper contributes to the broader discourse on TVET's importance in addressing the challenges posed by Malaysia's changing job landscape, offering actionable recommendations for further enhancing TVET programs and policies.

EMPOWER YOUR FUTURE: MAKING THE RIGHT EDUCATIONAL CHOICE WITH KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPS)

Razinda Tasnim Abdul Rahim¹, Faiz Masnan², Muhammad Nurfiqri Mohd Hajar³ and Bibi Noraini Mohd Yusuf⁴

razindatasnim@kuiips.edu.my¹, faizmasnan@unimap.edu.my², nurfiqri@kuiips.edu.my³ and bibinoraini@kuiips.edu.my⁴

*Faculty of Business and Management Sciences, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Malaysia^{1 2 3}
Faculty of Business and Communication, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia²*

Abstrak

Public and Private Higher Education have strengths and competitive advantages for students and potential students. Furthermore, those educational institutions are regulated by the Ministry of Education and implement the same standards for their students and potential students. However, some issues are presented when selecting educational institutions, either public or private universities. This paper addresses the factors attracting students to enrol in a private university, a study in Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS). Several factors, such as programs, facilities, location, and peers and family, are emphasised in this study. It is to foresee the university choice decision among students. The results of this study revealed a significant relationship between those independent and dependent variables. Thus, this study proved the linkage of variables with the research framework at the end of this study.

TECHNICAL VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING (TVET) CONTRIBUTION TO SUSTAINABLE EDUCATION AND ECONOMY DEVELOPMENT AMONG B40 STUDENTS

Nainatul Farzuha Nor¹, Ahmad Shabudin Ariffin², Hasrul Hashom³

Affiliates:

¹ Faculty of Business & Management Sciences, Kolej Universiti Islam Perlis, Malaysia

³ Language Centre & General Studies, Kolej Universiti Islam Perlis, Malaysia

Abstrak

Technical and Vocational Education and Training (TVET) is one of the critical drivers in the transformation of Malaysian education system. It also contributes to the country's economic growth while developing and equipping individuals with technical skills based on the industry's demand. Evaluating TVET's academic and career perspectives is crucial in understanding how to manage work-based learning strategically and efficiently. To empower the field of TVET in Malaysia, the government realizes that the factors of awareness, perception, and preparation of students towards the field of TVET are important in order to help students choose TVET as their education channel. The research methodology utilises secondary data from research published in journals. The implication for this study is that the field of TVET is a very important stream or branch of education that contributes to the sustainability of education. Other than that, it provides opportunities for B40 students to change their living standards and the national economy.

LAMPIRAN


Majlis Penyerahan Geran



Bengkel SPSS



Bengkel Pemurnian Dapatan



Mesyuarat Jawatankuasa Simposium (SPEED)

CADANGAN ANUGERAH

15 AWARDS

1 BEST PAPER AWARD (BAHASA INGGERIS)
1 Artikel (GOLD)
1 Artikel (Silver)
1 Artikel (Bronze)

2 BEST PRESENTER

3 GOLD
SILVER
BRONZE

4 BEST PAPER AWARD (BAHASA INGGERIS)
1 Artikel (GOLD)
1 Artikel (Silver)
1 Artikel (Bronze)

5 BEST PRESENTER

6 SPECIAL AWARD
4 artikel yang dihantar pada dan menambahkan dilak seperti dalam tempoh yang ditetapkan oleh pengajuri komited)



Kerjasama Strategik antara FCoEE dengan DBP

Kunjungan hormat delegasi daripada Faizuddin Centre of Educational Excellence (FcoEE) ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 20 September 2023 telah membuka lembaran baharu antara kedua-dua pihak dalam mengukuhkan peranan dan kerjasama ke arah pembangunan pendidikan menerusi penerbitan digital.

Beberapa cadangan projek oleh kedua-dua pihak telah dipersetujui dan dimeterai melalui memorandum persefahaman (MoU). Antara skop kerjasama yang akan dilaksanakan termasuklah:

- Pendidikan dan penyelidikan;
- Pembangunan koleksi berkaitan dengan bahasa dan persuratan;
- Penerbitan bercetak;
- Pembangunan dan penerbitan digital
- Promosi dan pemasaran produk penerbitan;
- Pelaksanaan program bahasa, sastera dan pendidikan;
- Latihan industri; dan
- Apa-apa bidang kerjasama lain yang berkemungkinan dapat dimajukan, diusahakan dan dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak.



Perkongsian kepakaran dan kemahiran antara kedua-dua pihak dalam penyediaan kandungan dan pembangunan teknologi digital melalui program dan latihan kecerdasan buatan diharapkan dapat membentuk masyarakat berilmu khasnya golongan kanak-kanak.



Kunjungan Hormat FCoEE ke DBP: Penerbitan Buku melalui Teknologi AI

Oleh Fatm Syazana Zulkabilil • 20 September 2023, 17:33

A+ A- A9

Kuala Lumpur – Pusat Kecemerlangan Pendidikan Faizuddin (FCoEE) mengadakan kunjungan hormat ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada pagi ini bertempat di Bilik Tun Perak, Menara DBP.





Terima Kasih

HOTEL
SERI MALAYSIA

SELAMAT DATANG *Welcome*